

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 7

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit buah pinggang yang terpaksa menjalani rawatan dialisis di seluruh negara. Berapa ramai di antara mereka menerima rawatan dialisis di hospital-hospital Kerajaan dan jumlah pesakit yang masih dalam senarai menunggu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prevalens pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang meningkat dengan drastik. Akibatnya jumlah pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis semakin meningkat. National Health Morbidity Survey 2011 mendapati prevalens pesakit Chronic Kidney Disease (CKD) adalah sebanyak 9.07% dan meningkat kepada 15.5% pada tahun 2018. Punca utama pesakit buah pinggang adalah penyakit diabetes mellitus (61 %), darah tinggi (18%) punca yang tidak diketahui (15%), glomerulonephritis (3%), obstructive nephropathy (1%) dan lain-lain (2%).

Untuk makluman Yang Berhormat, Data *Preliminary* dari *National Renal Registry* 2018 menunjukkan terdapat seramai:

SOALAN NO : 7

- a) 42,189 orang pesakit buah pinggang yang sedang menjalani rawatan dialisis di seluruh Negara; dan
- b) Daripada jumlah itu, seramai 11,416 orang pesakit pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di hospital-hospital kerajaan, manakala baki 30,773 di pusat dialisis swasta atau NGO.

Jumlah pesakit buah pinggang yang masih dalam senarai menunggu bagi penempatan pusat rawatan adalah sama di pusat dialisis Kerajaan, swasta atau NGO iaitu sebanyak 3,007 orang. Buat masa ini, pesakit-pesakit ini sedang menjalani rawatan sementara di pusat dialisis Kerajaan, swasta atau NGO sehingga penempatan di pusat rawatan tetap dikenal pasti.

Manakala di Batu Gajah pula, pada tahun 2019, Hospital Batu Gajah telah menerima peruntukan untuk menaik taraf bagi menambah dua (2) Point Reverse Osmosis (RO) yang menempatkan dua (2) buah mesin yang dapat menambahkan 12 slot tambahan kepada pesakit.

Ketika ini, Hospital Batu Gajah menyediakan sebanyak 11 buah mesin dialisis bagi kemudahan rakyat setempat dan menerima seramai 40 orang dan jumlah pesakit menunggu adalah seramai 57 orang (33 orang membayar sendiri & 24 di bawah tajaan Baitulmal/SOCCSO/JPA). Di Batu Gajah juga, terdapat dua (2) Pusat Hemodialisis Swasta/NGO.

Sekian terima kasih